

Mahathir
nafi
UMSasat JUL 1970
syarikat
pemberita
dapat
tanah

IPOH 1 Julai — Tidak ada sebarang tindakan yang telah diambil oleh Badan Perhubungan UMNO Negeri Perak, untuk menylasat satu dakwaan, konon Kerajaan Perak menyalahgunakan kuasa dengan meluluskan 20 ekar 'tanah terpillih' di Pasir Putih dekat sini kepada sebuah syarikat yang ditubuhkan oleh tiga orang pemberita akhbar.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad memberitahu satu sidang akhbar selepas merasmikan mesyuarat agung Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia cawangan Perak di sini hari ini bahawa perkara tersebut tidak berbangkit sama sekali.

"Perkara tersebut tidak ada dibincangkan di Mesyuarat Perhubungan UMNO Negeri yang berlangsung di kediaman Menteri Besar di sini pada 3 Jun yang lalu," ujarnya.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir perkara sebenar yang dibincangkan di mesyuarat tersebut ialah untuk menylasat tanah-tanah lombong yang diberikan kepada taukeh-taukeh lombong dan dijadikan kawasan perumahan apabila tempoh perlombongan mereka habis.

Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad yang juga Pengerusi UMNO Perak berkata, tindakan menylasat itu diambil berikutan sungutan se-

tengah-setengah ahli parti ke atas kawasan-kawasan lombong yang diberikan kepada taukeh-taukeh dan dijadikan kawasan perumahan.

"Kita hendak menjalankan penyiasatan atas perkara itu untuk mengetahui sama ada dakwaan itu benar atau sebaliknya," ujar Datuk Sri Dr. Mahathir lagi.

Penyiasatan itu jelasnya, diketuai oleh Menteri Besar, Dato' Sri Haji Wan Mohamad bin Haji Wan Teh sendiri selaku Timbalan Ketua Perhubungan UMNO Perak bukan Speaker Dewan Undangan, Haji Ahmad Azizuddin bin Haji Zainal Abidin.

Datuk Sri Dr. Mahathir membuat penjelasan ini khas untuk membetulkan laporan akhbar-akhbar tempatan yang melaporkan satu jawatankuasa penyiasat telah ditubuhkan untuk menylasat dakwaan itu.

Laporan itu tegas beliau, tidak benar sama sekali dan beliau kesal kerana kenyataannya di satu sidang akhbar di lapangan terbang di sini pada 3 Jun yang lalu telah diputar-belitkan.